

Mangsa di Perak, Johor meningkat

KUALA LUMPUR - Jumlah mangsa banjir yang dipindahkan ke pusat pemindahan di Perak dan Johor meningkat sedikit tengah hari semalam, manakala di Terengganu kesemua 28 mangsa banjir telah dibenar pulang.

Kedua-dua pusat pemindahan di Terengganu iaitu di Dewan Orang Ramai Batu 14 dan Masjid Batu 14 Kampung Seberang Tayor telah ditutup.

Johor dan Perak hanya mencatatkan penambahan sebanyak tujuh orang mangsa

banjir tengah hari semalam iaitu di Perak daripada 2,805 orang pagi semalam kepada 2,812 tengah hari dan di Johor daripada 145 orang kepada 152 orang.

Sementara itu, jumlah mangsa banjir di Pahang dan Kelantan kekal seperti yang direkodkan pagi semalam iaitu masing-masing sebanyak 10,837 orang dan 2,372 orang.

Jumlah keseluruhan mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan di negeri-negeri dilanda banjir kini 16,173 orang daripada 16,187 orang semalam. - Bernama



Seorang penduduk Kampung Bendang Besar, Perak membersihkan rumahnya, semalam.